



Kerajaan negeri sokong
perluasan perkhidmatan terapi
cara kerja – TMB

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDA 1447H | 24-30 APRIL 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Usaha perkasa celik al-Quran,
sasar setiap rumah lahir hafiz
hafizah — Exco Agama

Kelantan fokus lahirkan teknokrat Islam
melalui pendidikan seimbang - Timbalan
Exco Pendidikan

Masyarakat India Pulau Pinang
kagum suasana harmoni di
Kelantan

Kelantan-Thailand jalin diplomasi konstruktif berimpak sejahtera rakyat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

BANGKOK, 27 April — Kerajaan Negeri Kelantan komited memperkasa hubungan dengan Thailand melalui pendekatan diplomasi konstruktif yang menumpukan kerjasama kebudayaan, pendidikan dan pelancongan berasaskan warisan, sekali gus memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, lawatan rasmi ke Bangkok menjadi pemangkin penting dalam memperkukuh jalinan serumpun antara kedua-dua wilayah.

“Kerajaan Negeri Kelantan komited untuk terus memperkasa hubungan dengan Thailand melalui pendekatan diplomasi yang konstruktif, dengan memberi penekanan kepada kerjasama kebudayaan, pendidikan dan pelancongan berasaskan warisan yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, antara fokus utama termasuk pelaksanaan pertukaran program seni dan budaya, pengukuhan jaringan institusi pendidikan serta usaha bersama memelihara khazanah warisan serumpun yang menjadi asas hubungan sejarah kedua-dua wilayah.



Lawatan rasmi itu dimulakan dengan sambutan oleh Duta Besar Malaysia ke Thailand TYT Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah yang turut menyampaikan taklimat mengenai peranan strategik kedutaan sebagai jambatan hubungan dua hala serta potensi kerjasama yang boleh diteroka.

“Diplomasi berfungsi sebagai pemudah cara yang efektif dalam merapatkan hubungan rentas sempadan, sekali gus membuka ruang kerjasama dalam sektor berimpak tinggi seperti pelaburan, pertanian, pelancongan dan pendidikan,” katanya.

Dalam rangka lawatan tersebut, Menteri Besar turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Kebudayaan Thailand Sabida Thaiseth di Kementerian Kebu-

dayaan Thailand.

Perbincangan berlangsung dalam suasana konstruktif dengan tumpuan kepada pengukuhan kerjasama berasaskan warisan budaya dan pendidikan.

“Antara yang dibincangkan termasuk pertukaran program seni dan budaya, jaringan institusi pendidikan serta usaha bersama dalam memelihara dan memartabatkan khazanah warisan yang mampu memperkaya hubungan rakyat dan merangsang sektor pelancongan,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa kedua-dua pihak memberi perhatian terhadap isu strategik serantau termasuk pengurusan banjir dan pembangunan bandar sempadan, khususnya di kawasan Rantau Panjang serta sepanjang Sungai



Kerajaan Negeri Kelantan komited untuk terus memperkasa hubungan dengan Thailand melalui pendekatan diplomasi yang konstruktif, dengan memberi penekanan kepada kerjasama kebudayaan, pendidikan dan pelancongan berasaskan warisan yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat,”

Golok.

“Kerjasama bersepadu amat penting bagi memastikan kesejahteraan masyarakat di kawasan sempadan terus terpelihara melalui perancangan dan tindakan bersama yang berkesan,” ujarnya.

Lawatan itu turut disusuli dengan pertemuan bersama Syekhul Islam Thailand Muhammad Jalaluddin Hussein (Arun Bunchom).

Rentetan itu, Dato’ Mohd Nassuruddin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memperkasa jaringan institusi pondok, memelihara tradisi keilmuan Islam serta memperkukuh nilai Islam dan Melayu sebagai asas kukuh yang menyatukan hubungan sejarah dan peradaban antara kedua-dua wilayah.



Kerajaan negeri sokong perluasan perkhidmatan terapi cara kerja – TMB

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 26 April – Kerajaan Negeri Kelantan komited menyokong usaha memperluas perkhidmatan terapi cara kerja bagi memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, keperluan terhadap perkhidmatan tersebut kini semakin meningkat, khususnya dalam membantu pesakit menjalani rawatan susulan selepas menerima rawatan di hospital.

“Kerajaan negeri amat prihatin dan ingin turut serta dalam memperkuhkan bidang ini. Kita mengalu-alukan lebih banyak program serta kerjasama dengan pihak persatuan bagi memperluaskan perkhidmatan terapi cara kerja di Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Malaysian Occupational Therapist National Conference (MOTNC) 2026 di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Menurutnya, rawatan perubatan di hospital sahaja tidak mencukupi tanpa disusuli terapi pemulihan



yang berterusan bagi memastikan pesakit benar-benar pulih dan kembali berfungsi dalam kehidupan seharian.

“Perubatan di hospital perlu dibantu dengan terapi. Namun, kesedaran untuk mendapatkan rawatan susulan melalui terapi masih belum mencukupi dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa keperluan terhadap Ahli Terapi Cara Kerja di negeri ini semakin meningkat seiring dengan kesedaran rakyat terhadap penjagaan kesihatan.

“Ketika ini kita mempunyai kira-kira 150 Ahli Terapi Cara Kerja di Kelantan. Jumlah ini masih belum mencukupi dan saya berharap dapat digandakan kepada

300 orang pada masa akan datang,” ujarnya.

Tambahnya, peningkatan kesedaran kesihatan dalam kalangan rakyat turut dapat dilihat melalui permohonan tinggi terhadap perlindungan takaful perubatan serta permintaan terhadap rawatan susulan di rumah.

“Keperluan untuk rawatan susulan di rumah juga semakin tinggi, dan ini menunjukkan peranan terapi cara kerja sangat penting dalam sistem penjagaan kesihatan,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Terapi Cara Kerja Malaysia Nora Hamid berkata, kebanyakan perkhidmatan terapi cara kerja tertumpu kepada pemulihan pesakit strok, yang merupakan antara pen-

yakit tidak berjangkit tertinggi di Malaysia.

Beliau berkata, pesakit strok lazimnya kehilangan keupayaan untuk berdikari, justeru peranan ahli terapi adalah membantu mereka kembali ke tahap optimum termasuk mengurus diri sendiri serta kembali bekerja dan bermasyarakat.

Selain itu, katanya, kes kemalangan jalan raya serta peningkatan bilangan kanak-kanak berkeperluan khas turut menyumbang kepada permintaan tinggi terhadap perkhidmatan tersebut.

“Perkhidmatan terapi cara kerja bukan sahaja kepada pesakit, tetapi juga kepada ibu bapa bagi memperkasakan mereka membantu anak-anak di rumah,” jelasnya.

PKPN sokong usaha kerajaan negeri tambah baik skim CFS

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 27 April — Persatuan Pegawai - pegawai Kontrak Untuk Perkhidmatan Negeri Kelantan (PKPN) menzahirkan sokongan terhadap komitmen Kerajaan Negeri untuk meneliti penambahbaikan skim Contract for Service (CFS) secara menyeluruh, sekali gus memperkuhkan kebajikan dan kestabilan kerjaya penjawat awam kontrak.

Presidennya, Ahmad Mustapha Abdul Azais berkata, pendekatan berhati-hati dan berimbang yang diambil oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan semua penjawat awam tanpa mengira status perkhidmatan.

“Pendekatan ini amat kami



alu-alukan kerana inisiatif ini membuktikan keprihatinan kerajaan negeri terhadap peranan penting penjawat awam sebagai tulang belakang pentadbiran negeri,” katanya dalam satu kenyataan, hari

ini.

Menurutnya lagi, sebarang penambahbaikan terhadap skim CFS perlu dilaksanakan secara komprehensif dengan mengambil kira aspek kebajikan dan pamban-

gunaan kerjaya petugas kontrak.

“Kita berharap penambahbaikan ini dapat menjamin kestabilan kerjaya dan kebajikan petugas kontrak, di samping memberi ruang pembangunan profesional yang adil.

“Dalam masa yang sama, keseimbangan antara kecekapan pentadbiran dan kesejahteraan tenaga kerja juga perlu diberi perhatian,” jelasnya.

Beliau memaklumkan bahawa, PKPN bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri serta pihak berkaitan bagi menyalurkan pandangan konstruktif dalam usaha memperkasakan skim tersebut.

“Persatuan komited untuk memainkan peranan sebagai rakan strategik dalam memastikan skim CFS dapat diperkasakan secara inklusif dan mampan,” ujarnya.

Usaha perkasa celik al-Quran, sasar setiap rumah lahir hafiz hafizah — Exco Agama



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 29 April — Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh pelaksanaan agenda penghayatan al-Quran secara menyeluruh dengan menyasarkan setiap rumah melahirkan sekurang-kurangnya seorang hafiz atau hafizah, selaras usaha membina masyarakat Rabbani yang berteraskan ilmu dan nilai Islam.

Perkara itu dinyatakan oleh Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud

ketika menyampaikan tausiah serta merasmikan Majlis Khatam al-Quran Ahli Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Kelantan Kali Ke-10 di Kompleks Balai Islam, di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri memberi keutamaan tinggi terhadap pelaksanaan program celik al-Quran di semua kawasan dan Dewan Negeri (DUN) sebagai asas pembinaan masyarakat sejahtera.

“Kerajaan Negeri menetapkan bahawa seluruh rakyat mesti boleh membaca al-Quran dengan baik. Ini bukan sekadar sasaran umum,

tetapi diterjemahkan melalui pelbagai program dan institusi pendidikan Islam yang sedang dan akan terus diperkasakan,” katanya menerusi media sosial.

Beliau menjelaskan, antara langkah konkrit yang dilaksanakan termasuk penubuhan serta pengukuhan Maahad Tahfiz di seluruh negeri di samping memberi sokongan kepada kemasukan pelajar ke sekolah tahfiz sedia ada.

“Usaha ini bertujuan memastikan setiap rumah di negeri ini mampu melahirkan sekurang-kurangnya seorang hafiz atau hafizah

al-Quran, sekali gus menjadikan al-Quran sebagai asas kehidupan harian masyarakat,” jelasnya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Kelantan yang konsisten menjadikan Majlis Khatam al-Quran sebagai program tahunan yang berimpak tinggi.

“Tahniah kepada Dato’ Ismail Md Noor selaku Pengerusi Persatuan Pesara Bahagian Kelantan serta seluruh jawatankuasa yang kini mempunyai lebih 4,000 ahli. Komitmen ini amat penting dalam memperluas budaya membaca dan menghayati al-Quran dalam kalangan masyarakat,” ujarnya.

Beliau turut menggesa agar program seumpama itu diteruskan dan diperkasakan sebagai sebahagian daripada ekosistem dakwah dan pembangunan insan di peringkat akar umbi.

Pelatih Darul Niswah dinasihat tamatkan latihan jahitan

Oleh: Asri Hamat

TUMPAT, 28 April – Pelatih jahitan Darul Niswah (PPWK) di seluruh negeri ini dinasihat menamatkan latihan masing-masing bagi memastikan kemahiran yang dipelajari dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim berkata, pelatih yang tidak menghabiskan latihan diibaratkan seperti menjahit pakaian yang tidak siap.

Menurutnya, setiap peserta perlu menamatkan pembelajaran sehingga mampu menghasilkan sepasang pakaian dengan sempurna sebagai bukti penguasaan kemahiran asas.

“Belajar biarlah sampai tamat. Sekurang-kurangnya mampu menyiapkan sehelai baju dengan baik. Itu tanda kita benar-benar faham asas yang dipelajari,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Sehari Bersama Pelatih Darul Niswah, di sebuah resort, di sini, pada Isnin.



Beliau turut menjelaskan bahawa walaupun terdapat kursus jangka pendek yang diambil, pelatih tetap perlu menghabiskan tempoh latihan agar ilmu yang diperoleh dapat diaplikasikan dengan baik.

Tambahnya, kejayaan dalam pembelajaran memerlukan keikhlasan dan kesungguhan, selain kesediaan menghadapi kesilapan sepanjang proses latihan.

“Setiap jahitan pasti ada kesilapan, tetapi kesilapan itu perlu diperbaiki untuk menghasilkan mutu kerja yang lebih baik. Jangan takut gagal kerana itu adalah proses pembelajaran,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau juga memotivasi pelatih agar tidak mu-



dah berputus asa atau berasa bosan apabila ditegur oleh tenaga pengajar.

Katanya, bimbingan guru memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang berjaya, dengan syarat mereka mempunyai keinginan untuk cemerlang dalam bidang yang diceburi.

“Yakinlah bahawa apa yang dipelajari hari ini akan membantu mencorakkan masa depan serta membina ekonomi sendiri,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan kerajaan negeri sentiasa komited menyediakan peruntukan bagi memastikan golongan muda mendapat peluang meningkatkan

kemahiran dan menjana pendapatan melalui program latihan yang disediakan.

Untuk rekod, program yang bermula sejak 2005 itu telah memberi manfaat kepada hampir 8,024 anak muda melalui latihan dalam bidang jahitan dan sulaman, khususnya menerusi Unit Kemahiran di bawah Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeK-Wa).

Turut hadir, Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohd Zin, Pengarah U-KeK-Wa Ilvira Mohd Dasuki, Penolong-penolong Pengarah Kanan U-KeK-Wa serta para pelatih jahitan.

Peruntukan RM850,000 pacu pembangunan pelancongan di Dataran Guillemard

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 27 April — Inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan menyalurkan RM350,000 serta sumbangan RM500,000 daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dilihat sebagai langkah strategik dalam merencanakan pembangunan pelancongan di kawasan Jambatan Kereta api Guillemard, Tanah Merah melalui penyediaan kemudahan lebih lengkap, kondusif dan berdaya tarikan kepada pengunjung.

Peruntukan tersebut merangkumi pembinaan galeri, perpustakaan dan surau, di samping projek penyambungan esplanade yang dijangka memperkukuh daya tarikan kawasan berkenaan sebagai destinasi pelancongan rekreasi dan berasaskan warisan.

Perkara itu dimaklumkan Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor ketika



mengambil bahagian dalam Persidangan Kali Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan Kelima Belas Tahun 2026, pada Rabu lalu.

Menurutnya, pembangunan kemudahan tersebut berpotensi mengembangkan elemen pelancongan berasaskan ilmu dan warisan, selain menyediakan ruang ibadah serta kemudahan komuniti yang lebih tersusun kepada pengunjung dan penduduk setempat.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan kera-

jaan negeri dan persekutuan dalam memperkasa pembangunan pelancongan luar bandar sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi setempat yang mampan.

“Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan pembinaan galeri, perpustakaan dan surau yang bernilai RM350,000. Pada masa sama, penghargaan juga kepada pihak MOTAC yang telah meluluskan penyambungan esplanade di kawasan ini bernilai RM500,000,” katanya.

Menurutnya, penyambungan es-



planade itu dijangka meningkatkan lagi daya tarikan Dataran Guillemard sebagai destinasi pelancongan, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat melalui peningkatan kehadiran pelancong.

Dalam masa sama, beliau memohon agar pelaksanaan projek yang telah diluluskan itu dapat disegerakan bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati rakyat dan pengunjung dalam tempoh terdekat.

“Cuma saya memohon agar keputusan ini disegerakan untuk pelaksanaannya,” tambahnya.

Sinergi U-KeKWa–MCC martabatkan songket, kelingkan ke peringkat global



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 April — Sinergi kukuh antara Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) dan Malaysian Craft Council (MCC) dalam mempergiat usaha memartabatkan seni warisan tekstil negara khususnya songket dan kelingkan di peringkat global demi memastikan kelangsungannya kekal relevan serta dihargai generasi masa

kini dan akan datang.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato’ Rohani Ibrahim berkata, kerjasama strategik itu menjadi pemacu penting dalam memperkasa industri warisan melalui pendekatan inklusif yang melibatkan agensi kerajaan, penggiat industri dan komuniti setempat.

Menurutnya, penganjuran Majlis The Textile Project (TTP) Soirée oleh MCC di Bangunan

Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur menjadi platform berimpak tinggi untuk mengetengahkan usaha pemeliharaan dan pemerkasaan tekstil tradisional negara.

“Program ini bukan sahaja mempromosikan keindahan songket dan kelingkan, malah mengukuhkan jaringan kerjasama antara pelbagai pihak termasuk pengusaha, artisan dan badan bu- kan kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, majlis yang ber-

langsung semalam itu turut diserikan dengan keberangkatan Tengku Temenggong Kelantan, YBM Tengku Tan Sri Dato’ Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz dan Tengku Puan Temenggong Kelantan, YM Tunku Dato’ Noor Hayati Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, mencerminkan sokongan berterusan institusi diraja terhadap usaha memperkasakan warisan budaya serta pembangunan komuniti, khususnya wanita.

Menurutnya, dukungan tersebut menjadi pemangkin penting dalam memastikan seni warisan terus dipelihara dan dipromosikan ke tahap lebih tinggi.

“Diharapkan inisiatif seperti ini dapat diteruskan bagi memastikan warisan tekstil negara bukan sahaja kekal terpelihara, malah mampu bersaing dan mendapat pengiktirafan di peringkat global,” katanya.

Dato’ Rohani juga melihat usaha bersepadu itu sebagai langkah strategik dalam memperkasa identiti budaya negara, di samping membuka peluang ekonomi baharu kepada penggiat industri tekstil tradisional.

Ahli Terapi Cara Kerja pulihkan pesakit, kembalikan fungsi dalam masyarakat – TMB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 26 April – Ahli Terapi Cara Kerja bukan sahaja berperanan memulihkan pesakit, sebaliknya membantu mereka kembali berfungsi dalam masyarakat secara menyeluruh.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, skop peranan profesion itu jauh melangkaui aspek rawatan fizikal apabila turut memberi tumpuan kepada keupayaan individu untuk kembali bekerja, memandu serta menjalani kehidupan harian dengan lebih bermakna.

“Peranan anda semua sangat kritikal. Matlamatnya bukan sekadar ‘return to function’, tetapi lebih besar iaitu memastikan pesakit dapat kembali menyumbang dalam masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Malaysian Occupational Therapist National Conference (MOTNC) 2026 di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Menurutnya, kolaborasi strategik antara Persatuan Terapi Cara Kerja Malaysia bersama Terapi Cara Kerja Kementerian Kesihatan Malaysia Negeri Kelantan, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (USM) serta Pusat Transformasi OKU USM-MAIK mencerminkan pendekatan “whole-of-nation” dalam memperkukuh sistem kesihatan negara.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa tema persidangan tahun ini, “Transforming Practice,



Empowering Communities: The Future of Occupational Therapy” menuntut perubahan daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan lebih holistik, bersepadu dan berpusatkan komuniti.

Katanya, berdasarkan data semasa, seramai 3,069 Ahli Terapi Cara Kerja berdaftar di bawah Akta 774 dengan lebih separuh berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan Malaysia, manakala selebihnya dalam sektor pendidikan, PERKESO, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

“Di Kelantan, kita mempunyai kira-kira 150 Ahli Terapi Cara Kerja yang komited memberi perkhidmatan terbaik, khususnya kepada golongan rentan seperti warga emas, kanak-kanak berkeperluan khas dan pesakit rehabilitasi,” ujarnya.

Timbalan Menteri Besar Kelantan turut menegaskan bahawa dalam era kecerdasan buatan (AI), automasi dan robotik, nilai kemanusiaan dalam rawatan tidak boleh digantikan oleh teknologi.

“Teknologi boleh membantu, tetapi empati, sentuhan manusia dan kebijaksanaan klinikal tidak boleh diautomasi,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru generasi muda dalam bidang berkenaan agar memanfaatkan platform seperti MOTNC untuk membina jaringan profesional, memperkaya ilmu serta meneroka bidang pengkhususan baharu.

Dalam pada itu, beliau berkata penganjuran persidangan berkenaan turut memberi impak positif kepada ekonomi negeri melalui kehadiran lebih 200 delegasi dari seluruh negara, sekali gus merencanakan sektor pelancongan domestik.

Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan turut berkesempatan melawat ruang pameran yang menampilkan pelbagai inovasi, peralatan serta pendekatan terkini dalam bidang terapi cara kerja sejurus selepas merasmikan persidangan tersebut.

Sementara itu, Pengerusi MOTNC 2026 Dr Harnisha Haidhir ber-

“

Di Kelantan, kita mempunyai kira-kira 150 Ahli Terapi Cara Kerja yang komited memberi perkhidmatan terbaik, khususnya kepada golongan rentan seperti warga emas, kanak-kanak berkeperluan khas dan pesakit rehabilitasi,”

kata, persidangan selama empat hari itu berjaya menghimpunkan lebih 250 Ahli Terapi Cara Kerja dari pelbagai latar belakang termasuk penyertaan dari beberapa negara Asia seperti Hong Kong, Indonesia dan Vietnam.

Menurutnya, pelbagai pengisian dirangka termasuk bengkel, sesi praktikal, forum, pembentangan kertas kerja dan perkongsian amalan terbaik bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Presiden Persatuan Terapi Cara Kerja Malaysia Nora Hamid pula berharap lebih ramai pengamal dalam bidang itu mendaftar dengan persatuan berkenaan bagi memperkukuh profesion tersebut.

Beliau berkata, tanpa mengira lokasi perkhidmatan sama ada di hospital, komuniti, sekolah atau industri, matlamat utama Ahli Terapi Cara Kerja kekal sama iaitu membantu pesakit mencapai tahap kesembuhan optimum serta kembali berfungsi dalam kehidupan seharian.



Kelantan fokus lahirkan teknokrat Islam melalui pendidikan seimbang - Timbalan Exco Pendidikan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 26 April — Usaha melahirkan generasi teknokrat Islam yang menguasai ilmu agama serta kemahiran teknologi, inovasi dan literasi digital menjadi fokus utama dalam pemerkasaan pendidikan Islam di Kelantan.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad berkata, pendekatan pendidikan Islam hari ini perlu bergerak secara seimbang antara penguasaan ilmu turath dan keupayaan menghadapi cabaran dunia moden.

Menurutnya, hasrat kerajaan negeri adalah untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja memahami bidang tradisi Islam seperti tafsir, fekah dan hadis, malah turut memiliki kompetensi dalam teknologi dan inovasi.

“Kita mahu melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja memahami tafsir, fekah, hadis dan ilmu-ilmu turath tetapi pada masa yang sama memiliki kemampuan dalam bidang teknologi, inovasi dan literasi digital.

“Ini adalah hasrat besar kita iaitu untuk melihat lahirnya generasi teknokrat Islam yang mam-



pu memanfaatkan teknologi bagi memperkukuh dakwah, memajukan ekonomi ummah, menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan memelihara kelestarian alam,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Karnival Pendidikan Islam Kelantan 2026 yang berlangsung di Dewan Johor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), hari ini.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa pendidikan Islam tidak boleh lagi dilihat secara terpisah daripada perkembangan dunia digital, sebaliknya perlu bergerak seiring agar pelajar kekal relevan dan berdaya saing.

Menurutnya, cabaran semasa menuntut sistem pendidikan yang lebih holistik, bukan sahaja menekankan pencapaian akademik

tetapi juga penghayatan agama serta pembinaan akhlak.

Beliau turut menyentuh realiti semasa yang menunjukkan wujudnya individu berpendidikan tinggi terlibat dalam salah laku, sekali gus memberi isyarat bahawa pendidikan tanpa penghayatan tidak mencukupi dalam membentuk jati diri.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar pendekatan pendidikan disusun semula dengan memberi penekanan kepada keseimbangan antara ilmu, akhlak dan kemahiran semasa.

Dalam masa yang sama, beliau menjelaskan bahawa sistem pendidikan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) mempunyai kelebihan tersendiri dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut ilmu dan sahsiah, sekali gus menjadi identiti pendidikan negeri.

Tambahnya, cabaran era digi-

tal kini semakin kompleks apabila pengaruh negatif boleh diakses tanpa sempadan, termasuk dari dalam rumah sendiri, justeru memerlukan pendekatan pendidikan yang lebih bersepadu dan berkesan.

“Kita mahu pendidikan Islam ini menjadi pilihan utama ibu bapa, bukan sekadar untuk pencapaian akademik tetapi untuk melahirkan generasi soleh yang mampu memimpin masyarakat dan negara,” ujarnya lagi.

Turut hadir, Rektor KIAS Professor Dr Maszlan Ibrahim, Ahli Lembaga KIAS Darulnaim merangkap Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato’ Bentara Setia Professor Emeritus Dato’ Dr Johari Mat serta Timbalan Pengarah Penguurusan YIK Muhammad Kamaruddin Omar yang mewakili Pengarah YIK.

Pengorbanan wira negara wajar dihargai – YB Zamakhshari



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 April – Pengorbanan barisan wira negara yang mempertaruhkan nyawa demi mempertahankan kedaulatan tanah air wajar sentiasa dihargai dan dikenang sepanjang masa, kata Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad.

Menurutnya, keamanan yang dinikmati rakyat hari ini adalah hasil keringat, keberanian serta kesetiaan anggota keselamatan, sama ada yang masih berkhidmat maupun yang telah bersara.

“Walaupun sebahagian daripada mereka tidak lagi menyangkut pakaian seragam, jasa dan pengorbanan mereka tetap kekal besar

kepada negara. Bangsa yang bermaruah adalah bangsa yang tidak melupakan jasa perwiranya,” katanya menerusi media sosial pada Sabtu.

Terdahulu, beliau merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Veteran Rejimen Semboyan Diraja Negeri Kelantan di Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI),

Zon Timur.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur serta jawatankuasa persatuan atas usaha menganjurkan program berkenaan.

Katanya, penganjuran majlis yang menghimpunkan semula rakan seperjuangan merupakan satu inisiatif yang amat bermakna.

“Ia bukan sekadar medan perbincangan, tetapi juga ruang terbaik untuk mengeratkan kembali ukhuwah selain meneliti keperluan dan kebajikan ahli secara lebih dekat,” jelasnya.

Beliau berharap usaha seumpama itu dapat diteruskan bagi memastikan kebajikan veteran sentiasa terbela serta hubungan sesama ahli terus diperkukuh

Pendidikan anak perlu seimbang dunia akhirat – Exco Pendidikan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 April – Mendidik anak-anak tidak seharusnya tertumpu kepada pencapaian dunia semata-mata, sebaliknya perlu memberi penekanan kepada pembinaan asas kehidupan yang direcai Allah SWT, kata Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Beliau berpandangan, terdapat tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dan pendidik dalam membentuk generasi berkualiti.

“Pertama, menanam kasih kepada Nabi Muhammad SAW agar lahir rasa cinta dan kesungguhan untuk mencontohi sunnah Baginda.

“Kedua, memupuk kasih kepada ahli keluarga sebagai asas kepada pembinaan masyarakat yang



harmonis dan beradab.

“Ketiga, mendidik anak-anak membaca al-Quran sebagai panduan hidup serta sumber kekuatan jiwa,” katanya menerusi media sosial, pada Khamis.

Beliau turut menegaskan bahawa kerjasama erat antara pihak sekolah dan ibu bapa amat penting dalam memastikan pendidikan anak-anak terus diperkasa, bukan sahaja dari sudut akademik tetapi juga pembinaan sahsiah dan akhlak.

Terdahulu beliau merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kali Ke-16 Sekolah Menengah Ugama (Arab) Al-Kauthar SABK, Kampung Peringat.

Majlis tersebut turut disertai dengan penyampaian anugerah kecemerlangan akademik dan kokurikulum sebagai penghargaan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang serta aktif dalam pelbagai bidang.

Hadir sama, Pengarah Yayasan-



an Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar bersama barisan kepimpinan sekolah dan PIBG.

Dato' Wan Roslan turut berharap segala usaha yang dilaksanakan pihak kerajaan dan sekolah mampu melahirkan generasi rabbani yang berilmu, berakhlak serta berbakti kepada agama dan ummah.

“Terima kasih kepada semua pihak yang hadir dan terus menyumbang demi kecemerlangan pendidikan,” ujarnya.

Projek halia muda di Kelantan Bio Valley tambah nilai sektor agromakanan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 29 April – Projek penanaman halia muda di Kelantan Bio Valley, Gong Datok, Pasir Puteh berpotensi menambah nilai kepada sektor agromakanan negeri menerusi pemanfaatan tanah pertanian terbiar secara lebih produktif.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

berkata, projek yang dilaksanakan oleh Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd itu merupakan hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Menurutnya, inisiatif tersebut membuktikan komitmen berterusan kerajaan dalam memaksimumkan penggunaan tanah terbiar bagi meningkatkan pengeluaran hasil

pertanian bernilai tinggi.

“Projek ini merupakan satu lagi usaha bernilai dalam memperkukuh sektor agromakanan negeri melalui pembangunan tanaman yang berpotensi memberi pulangan ekonomi lebih tinggi,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi beliau semalam.

Beliau turut menjelaskan bahawa penggunaan pendekatan moden seperti struktur lindungan,

sistem pengairan yang efisien serta susun atur tanaman yang sistematik berupaya meningkatkan produktiviti halia muda secara signifikan.

Menurutnya, kaedah tersebut bukan sahaja membantu meningkatkan hasil, malah memastikan kualiti tanaman yang lebih konsisten dan berdaya saing di pasaran.

Dalam masa sama, beliau menegaskan bahawa projek berkenaan melengkapkan pembangunan di Kelantan Bio Valley yang memberi tumpuan kepada sektor tanaman bernilai tinggi sebagai langkah memperkukuh ekosistem agromakanan negeri secara menyeluruh.

“Usaha ini selari dengan agenda keterjaminan makanan serta berpotensi meningkatkan pendapatan pemain industri pertanian di negeri ini,” ujarnya.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus menggalakkan pelaksanaan lebih banyak projek seumpama itu bagi memastikan setiap potensi tanah dapat dimanfaatkan secara optimum demi kesejahteraan ekonomi rakyat dan negeri Kelantan.

Masyarakat India Pulau Pinang kagum suasana harmoni di Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 27 April – Rombongan masyarakat India dari Pulau Pinang yang disertai 44 peserta menyatakan rasa kagum terhadap suasana harmoni, keselamatan serta hubungan baik antara kaum yang diamalkan di Kelantan sepanjang Program Lawatan Kenali Kelantan pada 25 dan 26 April.

Ketua rombongan Ramani Kurnalham, 57, berkata pengalaman dua hari di negeri ini membuka perspektif baharu terhadap kehidupan masyarakat pelbagai kaum yang hidup dalam keadaan aman dan saling menghormati.

“Hasrat kami adalah untuk melihat kehidupan orang-orang dekat sini. Kami dapat satu pengalaman baru kehidupan semua kaum di Kelantan.

“Dua hari di Kelantan ini, kami

lihat orang-orang di sini sangat peramah. Perbezaan kaum langsung tidak ditonjolkan. Semua kaum bebas dan mesra,” katanya ketika ditemui, semalam.

Beliau berkata, rombongan turut dibawa melawat beberapa lokasi ibadat termasuk kuil Hindu, dan mendapati masyarakat India di Kelantan hidup dalam keadaan selamat serta gembira.

“Kami juga melawat dua kuil Hindu untuk melihat sendiri pengalaman kaum Hindu di Kelantan. Kami dapati mereka hidup dalam keadaan selamat dan aman.

“Tiada rungutan yang kami dengar. Malah kami terkejut melihat mereka begitu gembira tinggal di Kelantan. Ini satu pengalaman yang luar biasa bagi kami,” ujarnya.

Menurutnya lagi, layanan

mesra masyarakat tempatan turut memberi kesan mendalam kepada rombongan, selain pengalaman menikmati makanan tradisi Kelantan.

“Kami dibawa ke Nasi Belauk Kak Chik di Tumpat dan makanan di situ sangat sedap. Saya suka nasi berlauk ikan. Kami juga ke Ayang Cafe di Kota Bharu dengan pelbagai makanan tradisi Kelantan,” katanya.

Seorang lagi peserta Manuel Sebastian, 73, turut meluahkan rasa teruja dengan suasana mesra yang ditunjukkan masyarakat Kelantan.

“Di sini kita lihat orang Kelantan semua sopan santun. Ini kali pertama saya datang Kelantan. Kami rasa sangat dialu-alukan,” jelasnya.

Beliau berkata rombongan ber-

hasrat untuk kembali semula ke Kelantan bagi tempoh yang lebih lama pada masa akan datang bagi memahami kehidupan masyarakat negeri ini dengan lebih mendalam.

Sementara itu, Jesintha Devi Muthiah, 51, berkata beliau berasa selamat sepanjang berada di Kota Bharu.

“Kalau saya berjalan di Kota Bharu pun, saya rasa selamat. Ramai yang membantu walaupun tidak diminta,” katanya.

Beliau turut menyatakan rasa kagum terhadap penggunaan dialek yang sama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini.

“Saya terkejut apabila dengar orang Melayu, Cina dan India semua bercakap dalam dialek yang sama. Di negeri lain, perkara seperti ini sukar dilihat,” katanya.

Sepanjang lawatan, rombongan turut dibawa mengunjungi Kuil Sri Muthu Mariamman Tumpat, Wat Siam dan Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, Wat Sleeping Buddha, Kuil Siva Subramaniyar Kota Bharu serta mengadakan pertemuan bersama Exco Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad.

Kerajaan negeri danai penerbitan antologi puisi Kelantan–Perlis 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 April — Kerajaan Negeri Kelantan mendanai sepenuhnya penerbitan antologi puisi Kelantan–Perlis 2026 berjudul Hujan dan Daun di Halaman, sekali gus memperkukuh jaringan kesusasteraan antara negeri serta memperkaya khazanah sastera tanah air.

Antologi tersebut memuatkan 101 puisi karya 55 penyair Kelantan dan 46 penyair Perlis serta diterbitkan hasil kerjasama Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (Peradaban) dan Persatuan Penulis Perlis (3P) dengan sokongan Kerajaan Negeri Kelantan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Mat Nor berkata, inisiatif itu membuka ruang



perkongsian idea dan pengalaman dalam kalangan penulis, di samping mengangkat kepelbagaian suara dan perspektif dalam dunia kesusasteraan.

“Jalinan kerjasama antara negeri ini menjadi asas penting dalam memperluas jaringan budaya, sekali gus mengangkat martabat kesenian tempatan ke peringkat lebih tinggi,” katanya menerusi hantaran

di media sosial, semalam.

Menurutnya, usaha seumpama itu wajar diteruskan bagi memastikan seni sastera kekal relevan serta dihargai oleh generasi masa kini.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Pelancaran dan Bicara Buku antologi berkenaan yang berlangsung di sebuah hotel di Kota Bharu, pada Sabtu.

Program pelancaran naskhah

tersebut dianjurkan Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Peradaban, Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKN) serta 3P.

Acara itu menghimpunkan penulis, penyair serta pencinta sastera dari kedua-dua negeri dalam satu wadah yang mempererat hubungan budaya dan memperkukuh perkembangan kesusasteraan Melayu di peringkat serantau.

MERAK atur program lebih tersusun untuk anak muda

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 April - Kelab motor Minda Evolusi Rempit Anak Kelantan (MERAK) dalam perancangan untuk diaktifkan semula sebagai platform menghimpunkan golongan belia ke arah aktiviti lebih tersusun dan berimpak positif.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Mohamad berkata langkah itu selari dengan usaha kerajaan negeri untuk mengubah persepsi terhadap anak muda, khususnya yang terlibat dalam dunia permotoran.

Menurutnya, kerajaan negeri akan terus membuka ruang dan menyediakan platform kepada golongan belia untuk bergerak secara lebih tersusun, positif dan berimpak tinggi.

“Untuk tujuan itu, MERAK akan diaktifkan semula,” katanya



menerusi satu hantaran di media sosial hari ini.

Tambah YB Zamakhshari, minat anak terhadap aktiviti permotoran bukan satu kesalahan, namun perlu dipandu dengan nilai tanggungjawab, keselamatan serta memberi manfaat kepada masyarakat.

“Kita mahu ubah persepsi daripada ‘rempit’ kepada anak muda berprinsip, berwawasan dan berperanan dalam masyarakat.

“Kita mahu anak muda Kelan-

tan anak muda yang bermaruah, bukan sekadar hebat di jalanan, tetapi hebat dari segi akhlak, disiplin dan jati diri,” katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan bersama anak muda Kelantan yang menganggotai MERAK bagi mendengar pandangan serta berkongsi idea mengenai hala tuju generasi belia masa kini.

Beliau berkata, pertemuan itu bukan sekadar perbualan santai, sebaliknya menjadi ruang untuk

membina kefahaman bersama dalam usaha memperkasa peranan belia.

“Usaha ini diharap dapat melahirkan generasi muda Kelantan yang bukan sahaja berani, tetapi juga bermaruah dan berintegriti,” katanya.

Untuk rekod, MERAK sebelum ini dilancarkan penubuhannya oleh mantan Menteri Besar, Allahyarham Tan Sri Dato’ Bentara Setia Tuan Guru Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat.

300 penduduk Kuala Balah terima manfaat Skim Beras Al-It’am



Oleh: Irham Hilmi Hashim

JELI, 30 April – Sebanyak 300 penerima di DUN Kuala Balah menerima manfaat melalui pelaksanaan Program Skim Beras Al-It’am sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh agenda kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato’ Abdul Hadi Awang Kechil berkata, program bagi bulan Mac dan April itu telah dilaksanakan secara berfasa melibatkan dua zon, iaitu Zon A yang berlangsung pada 27 April di Surau

Abu Bakar As-Siddiq, Kampung Kubur Datu, manakala Zon B diadakan pada 29 April di Kampung Pendok.

“Pelaksanaan program kebajikan secara konsisten ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan,” katanya.

Beliau turut menegaskan, program seperti itu merupakan antara pendekatan berkesan kerajaan negeri dalam menyantuni rakyat secara langsung di lapangan, di samping memastikan setiap isu yang dibangkitkan dapat dikenal pasti dan

ditangani dengan segera.

“Bagi Zon A, program agihan melibatkan lapan mukim iaitu Mukim Batu Reka, Mukim Lubok Bongor, Mukim Kubor Datu, Mukim Bukit Selar, Mukim Jerimbong, Mukim Bukit Jering, Mukim Rantau Manis dan Mukim Kuala Balah,” jelasnya ketika dihubungi, semalam.

Selain agihan bantuan berbentuk keperluan asas seperti beras dan mihun, program santuni rakyat yang diadakan secara bulanan di Dewan Orang Ramai Kampung Pendok, Batu Melintang turut terus diperkasa sebagai platform utama

dalam menjaga kebajikan penduduk setempat.

Menurutnya lagi, program berkenaan menjadi saluran penyampaian bantuan, bahkan berfungsi sebagai medium interaksi antara pemimpin dan rakyat di peringkat akar umbi.

Antara isu yang dibangkitkan termasuk kebajikan warga emas dan golongan uzur, selain masalah infrastruktur seperti kerosakan paip serta sistem pencahayaan di kawasan tanah perkuburan.

“Kerajaan negeri akan terus memperkukuh pelaksanaan program seumpama ini dari semasa ke semasa sebagai usaha memastikan sistem kebajikan rakyat kekal menyeluruh, inklusif dan berkesan,” ujarnya.

“Saya berharap agar sumbangan yang diberikan mampu meringankan beban penerima serta memberi manfaat berterusan kepada masyarakat, selaras dengan semangat kebajikan dan keprihatinan yang menjadi teras pentadbiran negeri,” tambahnya.

Delegasi Malaysia ke Kongres Sumud Global bawa suara Palestin ke pentas antarabangsa



Oleh: Norzana Razaly

KUALA KRAI, 29 April — Rom-bongan Malaysia ke Kongres Parlimen Sumud Global di Brussels menegaskan komitmen berterusan negara dalam membawa suara Palestin ke pentas antarabangsa, sekali gus memperhebat tekanan global terhadap isu kemanusiaan tersebut.

Ahli Parlimen Kuala Krai YB

Abdul Latiff Abdul Rahman berkata kongres berkenaan menghimpunkan ahli parlimen dari pelbagai negara termasuk Eropah bagi memastikan sokongan antarabangsa terhadap Palestin diterjemahkan kepada tindakan yang lebih berkesan.

Menurutnya yang merupakan salah seorang anggota delegasi, kongres itu berlangsung serentak dengan pelayaran Armada Glob-

al Sumud di Laut Mediterranean menuju ke Gaza sebagai simbol desakan bersama melalui pendekatan darat dan laut.

“Kongres bersidang pada 22 April lalu mengeluarkan Deklarasi Brussels yang merupakan satu instrumen penting bagi mendesak masyarakat antarabangsa dalam isu Palestin,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau menegaskan baha-



wa penyertaan Malaysia dalam kongres tersebut mencerminkan komitmen konsisten negara dalam memperjuangkan keadilan dan hak kemanusiaan rakyat Palestin di peringkat global.

“Delegasi Malaysia ke Brussels diketuai Pengerusi Kaukus Palestin Parlimen Malaysia, Syed Ibrahim Syed Noh, bersama Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato’ Muhammad Bakhtiar Wan Chik serta Ketua Pengarah Sumud Nusantara Command Centre (SNCC), Datuk Sani Araby.

“Penyertaan tersebut adalah usaha bersepadu dalam memperkukuh solidariti antarabangsa serta memperluas jaringan kerjasama strategik bagi memastikan isu Palestin terus mendapat perhatian masyarakat dunia,” jelasnya.

Sidang Parlimen inklusif perlu untuk perkasakan penyertaan wanita ASEAN - Dato’ Mumtaz

Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 28 April – Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawawi menyuarakan keperluan Sidang Parlimen yang lebih inklusif di peringkat Asia bagi memastikan penyertaan wanita dalam politik dan pembuatan dasar dapat diperkasa secara menyeluruh.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Parlimen Malaysia sebagai Ahli Delegasi ke 5th Meeting of the Coordinating Committee of Women Parliamentarians of AIPA (WAIPA).

Mesyuarat anjuran Parlimen Filipina itu berlangsung secara dalam talian pada Isnin.

Menurutnya, walaupun negara-negara Asia telah mencatat kemajuan dalam aspek kesaksamaan gender melalui pelbagai dasar dan reformasi institusi, namun halangan struktur seperti perundangan, sosio-budaya dan ekonomi masih menjadi kekangan utama kepada penyertaan wanita secara bermakna.

“Parlimen berteraskan transformasi gender bukan sekadar dinilai

melalui jumlah penyertaan wanita, tetapi bagaimana institusi itu berfungsi secara inklusif dalam proses pengubalan undang-undang dan pembuatan keputusan,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa cabaran semasa seperti transformasi digital, kecerdasan buatan (AI), perubahan iklim dan ketidakstabilan ekonomi telah mewujudkan bentuk ketidakadilan baharu yang memerlukan Parlimen di rantau ini berevolusi dari segi struktur, fungsi dan budaya.

Dalam konteks Malaysia, Dato’ Mumtaz menjelaskan bahawa Parlimen memainkan peranan penting dalam memperkukuh tadbir urus responsif gender melalui fungsi legislatif dan pemantauan, ter-

masuk menambah baik undang-undang berkaitan hak, perlindungan serta penyertaan wanita.

Menurutnya lagi, peningkatan penglibatan Ahli Parlimen wanita di negara ini turut menyumbang kepada kualiti perbincangan serta memperkukuh institusi demokrasi yang lebih seimbang dan matang.


Selain itu, beliau menekankan kepentingan pelaburan dalam pembangunan kepimpinan masa depan melalui penglibatan beliau, termasuk menerusi program seperti Parlimen Belia, School of Parliament serta pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

“Usaha ini penting bagi mel-

ahirkan generasi pemimpin yang lebih inklusif, berdaya tahan dan peka terhadap keperluan masyarakat,” ujarnya.

Mengulas hala tuju masa depan pula Dato’ Mumtaz berkata Malaysia menyokong agenda ASEAN yang memberi penekanan kepada penginstitutionalisan amalan Parlimen berteraskan transformasi gender, termasuk pengintegrasian perspektif gender dalam proses perundangan, belanjawan dan mekanisme pemantauan.

Tambahnya, usaha memperkasa kepimpinan wanita serta meningkatkan penyertaan ekonomi wanita perlu terus dipergiat bagi memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan di rantau ASEAN.



Tiga inisiatif agromakanan bersepadu perkukuh keterjaminan makanan Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 29 April — Kerajaan Negeri Kelantan mempergiat pelaksanaan tiga inisiatif agromakanan berimpak tinggi secara bersepadu sebagai langkah strategik memperkukuh keterjaminan makanan serta merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan dan berdaya tahan.

Pendekatan tersebut menumpukan pelaksanaan menyeluruh di lapangan merangkumi sektor penternakan, tanaman bernilai tinggi dan industri hiliran bagi membina ekosistem agromakanan yang kukuh serta berdaya saing.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, usaha itu dilaksanakan secara tersusun dengan penekanan kepada keberkesanan pelaksanaan di peringkat akar umbi.

“Lawatan ke beberapa projek strategik di Pasir Puteh membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan setiap perancangan diterjemahkan kepada pelaksanaan yang berkesan dan memberi impak langsung kepada rakyat,” katanya dalam kenyataan media sosial, semalam.

Menurutnya, lawatan dimulakan di Jeram Pasu BioART Centre bersama Ketua Pegawai Eksekutif



Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) Dr Mohd Zulkufi Zakaria bagi meninjau pembangunan sektor penternakan.

“Melalui Projek Pelestarian Lembu Naimbif dan Pusat Bio Animal Reproduction Center (BIO-Art), tumpuan diberikan kepada pemeliharaan baka berkualiti serta penggunaan teknologi pembiakan moden seperti pernian beradas bagi meningkatkan produktiviti ternakan,” katanya.

Beliau berkata, usaha memperkukuh bekalan makanan ternakan turut dilaksanakan melalui pembangunan fodder rumput termasuk penggunaan mesin baler di kawasan seluas 40 ekar.

“Langkah ini penting bagi memastikan bekalan makanan ternakan kekal konsisten, sekali gus memperkukuh keterjaminan makanan negeri serta mengurang-

kan kebergantungan kepada import,” ujarnya.

Dalam sektor tanaman bernilai tinggi, lawatan diteruskan ke Kelantan Bio Valley, Gong Datok bagi meninjau projek pembangunan tanah pertanian terbiar melalui penanaman halia muda oleh Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.

“Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan membuktikan kesungguhan memaksimumkan penggunaan tanah terbiar secara produktif dengan pendekatan moden seperti struktur lindungan, sistem pengairan dan susun atur tanaman yang sistematik,” katanya.

Menurutnya lagi, projek tersebut berpotensi meningkatkan hasil pengeluaran serta menjana pulangan ekonomi lebih tinggi, sekali gus memperkukuh sektor tanaman bernilai tinggi.



Sementara itu, pembangunan industri hiliran diperkasakan melalui lawatan ke Makmal Inovasi Kelulut Darul Naim (MIKDAM) yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan, pemrosesan dan kawalan kualiti madu kelulut.

“MIKDAM mampu meningkatkan nilai komersial produk serta memperluas pasaran ke peringkat lebih tinggi,” jelasnya.

Tambahnya, pembangunan industri kelulut melengkapkan rantaian nilai agromakanan negeri melalui penghasilan produk hiliran bernilai tambah.

“Kerajaan negeri akan terus memastikan setiap inisiatif dilaksanakan secara efektif dengan penggunaan teknologi moden dan pengurusan sistematik bagi meningkatkan produktiviti, menjana pendapatan serta memperkukuh daya tahan sektor agromakanan,” ujarnya.

Pilih laluan pengajian ikut minat, bukan tekanan – YB Nik Bahrum

Oleh: Syamimi Manah

PENGKALAN CHEPA, 30 April – Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah mengingatkan pelajar cemerlang agar memilih bidang pengajian berdasarkan minat dan kecenderungan sendiri, bukan dipengaruhi tekanan atau harapan pihak lain.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2025 DUN Chempaka yang diadakan di kediamannya, pada Jumaat lalu.

Menurutnya yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka, keputusan yang dibuat berasas-



kan minat akan membantu pelajar mengekalkan motivasi serta mencapai kecemerlangan berterusan dalam bidang yang diceburi.

“Pilihlah laluan yang benar-benar diminati, dengan mengambil kira nasihat ibu bapa, namun tetap selari dengan minat dan kecenderungan diri,” katanya.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 23 pelajar diraikan selepas mencatat pencapaian cemerlang dengan sekurang-kurangnya 7A bagi SPM dan Jekyllid Jiddan bagi STAM.

YB Nik Bahrum turut menzahirkan penghargaan kepada ibu bapa yang menjadi tulang belakang kejayaan anak-anak, selain meny-

fatkan pencapaian itu sebagai hasil sokongan berterusan keluarga.

Beliau menegaskan bahawa latar belakang persekolahan pelajar yang pelbagai, termasuk daripada sekolah harian, membuktikan bahawa kecemerlangan akademik bukan hanya milik golongan tertentu.

“Kecemerlangan bukan eksklusif, sebaliknya terbuka kepada sesiapa sahaja yang berusaha ber-sungguh-sungguh,” ujarnya.

Tambahnya, kejayaan yang diraih bukanlah noktah, sebaliknya titik permulaan untuk melangkah lebih jauh dalam kehidupan.

Sehubungan itu, beliau berharap para pelajar akan terus berusaha dan suatu hari nanti kembali menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negeri.

2,595 jemaah haji Kelantan tunai ibadah tahun ini

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 28 April – Sebanyak 2,595 jemaah haji dari Kelantan berpeluang menunaikan ibadah haji bagi musim 1447 Hijrah tahun ini, sekali gus menggambarkan sambutan berterusan rakyat negeri ini terhadap rukun Islam kelima.

Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Kelantan Mohamad Rosli Mustapai berkata, daripada jumlah tersebut, 1,116 merupakan jemaah lelaki manakala 1,479 lagi adalah jemaah wanita.

Beliau berkata demikian ketika sesi siaran langsung FOKUS anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Studio Kelantan TV, semalam.

Menurutnya, urusan keberangkatan jemaah haji telah diatur secara berperingkat bermula 18 April hingga 4 Mei 2026 hasil kerjasama erat antara Lembaga Tabung Haji, Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta pelbagai agensi berkaitan.

“Sebanyak 12 penerbangan



khas Malaysia Airlines diperuntukkan bagi membawa jemaah haji yang melapor diri di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra (KIJPSIP), Panji. Setakat ini, lapan penerbangan telah berlepas manakala baki empat lagi dijadualkan berlepas dalam tempoh terdekat” jelasnya.

“Jemaah akan berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebelum transit di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan seterusnya ke Madinah atau Jeddah,” katanya.

Tambahnya, terdapat juga sebahagian jemaah yang memilih untuk melapor diri di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu serta di Movenpick Hotel &

Convention Centre KLIA.

Dalam pada itu, beliau menasihati jemaah haji supaya membuat persiapan rapi sebelum melapor diri termasuk mencetak surat tawaran haji melalui platform THIJARI serta memastikan semakan tarikh, masa dan lokasi dibuat dengan teliti.

“Jemaah perlu membawa dokumen penting seperti kad pengenalan dan passport, selain mematuhi had bagasi iaitu satu bagasi utama tidak melebihi 30 kilogram serta satu bagasi tangan yang disediakan Tabung Haji,” katanya.

Beliau turut mengingatkan agar barangan seperti ‘power bank’ disimpan dalam beg sandang dengan kapasiti maksimum 20,000 mAh,

manakala ubat-ubatan perlu dibawa di dalam beg tangan dan tidak dimasukkan ke dalam bagasi.

Dari aspek kesihatan, jemaah disaran membawa ubat mencukupi serta mendapatkan rehat secukupnya sebelum berangkat ke Tanah Suci, di samping mengulang-kaji nota Kursus Asas Haji sebagai perediaan ibadat.

Sementara itu, waris yang menghantar jemaah diingatkan supaya menyimpan maklumat penting termasuk nombor Tabung Haji Contact Centre (THCC).

“Selepas jemaah memasuki kawasan lapor diri, waris tidak dibenarkan untuk berjumpa mereka dan juga tidak dibenarkan memasuki Kompleks Panji,” jelasnya.

100 peserta KAPOK Kok Lanas tanam buah, jana pendapatan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 30 April — Sebanyak 100 peserta komuniti setempat di DUN Kok Lanas menyertai Program Apo Kobar Pok Tani Agro Alfalah (KAPOK) yang memfokuskan tanaman buah-buahan sebagai sumber makanan dan penjana pendapatan, sekali gus memperkukuh ekonomi komuniti berasaskan pertanian.

Program anjuran dengan kerjasama Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) itu menjadi

platform meningkatkan kesedaran serta kemahiran peserta dalam pengurusan tanaman secara sistematik dan berimpak tinggi.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pelaksanaan program tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkasa sektor pertanian komuniti.

“Program ini memberi penekanan kepada pembangunan tanaman

buah sebagai sumber makanan mampan di samping membuka peluang penjana pendapatan kepada masyarakat,” katanya dalam kenyataan media pasca program, semalam.

Menurutnya, program dimulakan dengan sesi taklimat oleh Jabatan Pertanian Kelantan yang memberi pendedahan berkaitan teknik penjagaan tanaman pokok nangka madu.

“Pendekatan ini penting bagi memastikan peserta memahami

kaedah penjagaan tanaman secara sistematik sekali gus meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyampaikan sumbangan benih pokok serta baja organik kepada peserta sebagai usaha menyokong aktiviti pertanian di peringkat komuniti.

Menurutnya, inisiatif tersebut berupaya menjadi pemangkin kepada peningkatan hasil pertanian dan pendapatan peserta, di samping menggalakkan penglibatan lebih meluas masyarakat dalam sektor agromakanan.

“Kerajaan negeri akan terus memperluas pelaksanaan program seumpama ini bagi memastikan sektor pertanian kekal sebagai penyumbang penting kepada kesejahteraan ekonomi rakyat,” ujarnya.

Tangki air sementara bantu penduduk Kemuning sepanjang kerja penyelenggaraan loji - YB Zakhran

Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 30 April – Inisiatif penyediaan tangki air sementara oleh Pusat Khidmat DUN Kemuning membantu meringankan beban penduduk yang terjejas akibat gangguan bekalan air sepanjang tempoh kerja-kerja penyelenggaraan loji di kawasan berkenaan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, langkah itu diambil susulan gangguan bekalan air yang berpunca daripada beberapa faktor, termasuk kerja penyelenggaraan di Loji Rawatan Air Merbau Chondong serta masalah gangguan elektrik yang kerap berlaku di loji tersebut.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan satu pelan tindakan sementara perlu dilaksanakan bagi memastikan keperluan asas penduduk terus terjamin, sementara kerja-kerja menaik taraf loji berkenaan dijangka siap sekitar bulan



September ini.

“Setelah perbincangan bersama pihak pengurusan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) Machang beberapa hari lalu, Pusat Khidmat DUN Kemuning telah mengambil inisiatif membeli beberapa buah tangki air untuk ditempatkan di kawasan yang kerap terjejas.

“Ini adalah usaha jangka pendek bagi membantu penduduk menghadapi kesukaran bekalan air harian,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, semalam.

Menurutnya lagi, walaupun inisiatif tersebut bersifat sementara, ia diharap dapat sedikit sebanyak mengurangkan beban rakyat sementara penyelesaian lebih menyeluruh dilaksanakan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memaklumkan bahawa sebanyak empat buah tangki air telah diserahkan untuk kegunaan penduduk di beberapa kawasan terjejas, iaitu Padang Selising, Taman Damai dan Taman Sri Makmur, serta Bukit Tiu.

Dalam pada itu, YB Ahmad Zakhran memaklumkan bahawa isu berkaitan infrastruktur bekalan air sedang ditangani melalui kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan bagi memastikan penyelesaian yang lebih mampan dapat dicapai pada masa akan datang.

“Usaha ini merupakan sebahagian ikhtiar berterusan untuk memastikan kebajikan rakyat terus terbela sepanjang tempoh cabaran ini,” ujarnya.

KGT perkenal polisi baharu pembelian produk bermula 1 Mei

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PERUBAHAN POLISI PEMBELIAN PRODUK KGT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

29 April 2026 - Kelantan Gold Trade (KGT) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan bahawa satu penambahbaikan penting dalam polisi pembelian produk akan dilaksanakan mulai 1 Mei 2026 sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kecekapan operasi, keselamatan transaksi serta pengalaman pelanggan. Sehubungan itu, ketetapan pelaksanaan adalah seperti berikut:

Pembelian produk fizikal di kaunter jualan HQ

Semua pembelian produk KGT di kaunter jualan HQ KGT akan dilaksanakan sepenuhnya melalui platform digital ednd.my. Langkah ini diambil bagi memastikan setiap transaksi direkod secara sistematik, telus dan selaras dengan ekosistem digital KGT yang semakin berkembang. Pelanggan yang belum mempunyai akaun ednd.my digalakkan mendaftar terlebih dahulu bagi memastikan akses dan urusan niaga berjalan lancar.

Pembelian bagi produk fizikal terpilih

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 30 April – Kelantan Gold Trade (KGT) mengumumkan pelaksanaan polisi baharu pembelian produk sebagai langkah memperkukuh sistem transaksi yang lebih sistematik, telus dan efisien, selaras dengan usaha penambahbaikan ekosistem urusan niaga digital syarikat itu.

Menerusi kenyataan media, KGT memaklumkan bahawa inisiatif berkenaan akan mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2026, melibatkan penambahbaikan terhadap kaedah pembelian serta pengeluaran pro-

duk emas mereka.

Menurut kenyataan itu, pengeluaran Syiling Emas Ketam Guri seberat 5 gram dan 10 gram kini akan dilaksanakan melalui platform Akaun EDND.

Langkah tersebut bertujuan memastikan proses pemilikan produk emas dapat diuruskan dengan lebih teratur, selamat serta mudah diakses oleh pelanggan.

“Bagaimanapun, pengeluaran adalah tertakluk kepada ketersediaan stok semasa,” menurut kenyataan berkenaan, pada Rabu.

KGT turut menjelaskan bahawa pendekatan baharu ini mencerminkan

kan komitmen berterusan syarikat dalam memperkukuh integrasi sistem digital bagi produk emas dan perak, di samping meningkatkan kecekapan operasi.

Selain itu, pelaksanaan polisi tersebut juga dijangka mampu menambah baik pengalaman pelanggan dalam setiap urusan niaga yang dijalankan.

Dalam perkembangan sama, KGT turut melaksanakan Polisi Deposit 100 peratus bagi tempahan jongsong emas dan perak sebagai langkah penambahbaikan bagi memastikan setiap transaksi pembelian lebih terjamin.

“Polisi ini dilaksanakan bagi mengukuhkan komitmen pelanggan terhadap tempahan yang dibuat, selain memastikan kelancaran proses pengeluaran dan pengurusan stok oleh pihak KGT,” menurut kenyataan itu lagi.

KGT turut menegaskan bahawa langkah berkenaan adalah sebahagian daripada usaha berterusan dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien, telus dan mesra pelanggan.

“Pendekatan ini selari dengan usaha memperkukuh ekosistem perdagangan emas yang mampan dan profesional,” katanya.

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN POLISI DEPOSIT 100% BAGI TEMPAHAN JONGKONG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

29 April 2026 - Kelantan Gold Trade (KGT) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan bahawa semua tempahan jongsong emas dan perak KGT pada ketika ini hendaklah disertakan dengan bayaran **deposit sebanyak 100%** berdasarkan harga semasa. Pelaksanaan polisi ini adalah selaras dengan komitmen KGT dalam memastikan pengurusan tempahan yang lebih cekap, telus dan berdaya saing, sejajar dengan perkembangan semasa industri emas yang dipengaruhi oleh turun naik harga pasaran global.

Sehubungan itu, ketetapan pelaksanaan adalah seperti berikut:

MDM kempen tanam 100 juta pokok di View Point Chabang Tongkat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 30 April — Penangjuran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di View Point Hutan Simpan Kekal (HSK) Chabang Tongkat memperkukuh agenda kelestarian alam sekitar bahkan mengangkat lokasi itu sebagai produk pelancongan baharu berteraskan ekopelancongan yang sedang dibangunkan Majlis Daerah Machang (MDM).

Program bertemakan “Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita” itu menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha menjayakan inisiatif penghijauan negara serta menyemai kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Mohamed Fadzli Dato’ Hassan ketika merasmikan program berkata, usaha memakmurkan bumi merupakan tanggungjawab besar manusia sebagai khalifah, selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 30.

“Menjaga alam sekitar bukan pilihan, tetapi amanah yang mesti



dipikul dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab.

Penanaman pokok adalah antara langkah paling asas namun signifikan dalam memastikan bumi ini terus lestari,” katanya.

Beliau berkata, tanggungjawab tersebut meliputi penjagaan keseimbangan ekosistem serta pengurusan sumber secara berhemah sebagai asas kepada kesejahteraan generasi masa hadapan.

Dalam masa sama, beliau turut merujuk pandangan Profesor Harry Lewis dari Universiti Harvard menerusi bukunya Excellence Without A Soul yang menekankan peranan pendidikan dalam melahirkan individu yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Menurutnya, pendekatan tersebut selari dengan dasar pembangunan negeri yang menitikberatkan keseimbangan antara kemajuan material dan tanggungjawab sosial termasuk dalam aspek pemeliharaan alam sekitar.

Program itu diisi dengan pelbagai aktiviti antaranya penanaman anak pokok, pameran dan ceramah kesedaran alam sekitar, kempen 3R, pemeriksaan kesihatan serta kempen derma darah, selain cabutan bertuah bagi menggalakkan penyertaan masyarakat.

Peserta terawal turut menerima anak pokok secara percuma sebagai simbol penghargaan atas sokongan terhadap usaha penghijauan berkenaan.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Machang Mohd Zamri Ibrahim memaklumkan View Point HSK Chabang Tongkat merupakan antara lokasi pelancongan baharu yang sedang dibangunkan pihaknya.

Menurutnya, kawasan tersebut menawarkan panorama alam semula jadi yang unik termasuk pemandangan matahari terbit dan terbenam, sekali gus berpotensi menjadi tarikan utama pelancong ke daerah Machang.

“Pembangunan lokasi ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan, malah menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar melalui pendekatan pelancongan lestari,” ujarnya.

33 penduduk Selising terima skim bantuan kerajaan negeri



Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 25 April — Sebanyak 33 penduduk di Selising menerima manfaat pelbagai skim bantuan kebajikan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dalam satu majlis yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN (PKD) Selising, Sabtu lalu.

Bantuan yang diagihkan melibatkan Skim Kifaalah, Skim Az-Ziwaaj dan Skim Armalah sebagai sebahagian daripada usaha

berterusan kerajaan dalam memperkukuh jaringan keselamatan sosial rakyat.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Selising YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang juga Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi.

Menurutnya, antara bentuk bantuan yang diagihkan ialah cek Skim Az-Ziwaaj kepada enam pen-

erima yang layak sebagai sokongan kepada pasangan yang mendirikan rumah tangga.

“Di samping itu, Skim Manfaat Armalah disumbangkan untu dimanfaatkan tiga penerima dalam kalangan golongan wanita yang memerlukan perhatian khusus.

Dalam masa yang sama, sejumlah 24 waris turut menerima Skim Kifaalah sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan keluarga yang kehilangan insan

tersayang,” katanya melalui laman rasmi, pada Ahad.

Beliau menegaskan bahawa pelaksanaan pelbagai skim kebajikan tersebut merupakan manifestasi keprihatinan berterusan kerajaan negeri terhadap kesejahteraan rakyat.

“Kerajaan negeri komited memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara melalui pelaksanaan skim-skim bantuan yang bersasar seperti Skim Kifaalah, Az-Ziwaaj dan Armalah. Bantuan ini bukan sahaja meringankan beban kewangan, malah menjadi tanda sokongan kerajaan kepada rakyat dalam pelbagai fasa kehidupan,” jelasnya.

Beliau turut berharap agar inisiatif tersebut dapat membantu penerima menjalani kehidupan dengan lebih baik di samping memperkukuh institusi kekeluargaan dan keharmonian masyarakat.

Exco Perpaduan raikan rombongan India Pulau Pinang ke Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 28 April – Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad meraikan kunjungan rombongan masyarakat India dari Pulau Pinang yang mengadakan kunjung hormat ke pejabatnya, pada Ahad.

Rombongan tersebut dirai bersempena program Lawatan Kenali Kelantan selama dua hari iaitu pada 25 hingga 26 April.

Beliau berkata, pertemuan tersebut mencerminkan keakraban serta semangat perpaduan yang menjadi amalan masyarakat di negeri ini.

“Alhamdulillah, saya berbesar hati menerima kunjungan tetamu dari jauh, saudara kita dari komuniti India Pulau Pinang yang sudi singgah bersua di Kelantan.

“Seronok dapat meluangkan masa, bertemu dan beramah mesra bersama rombongan delegasi ini,” katanya dalam kenyataan di laman rasmi, pada Ahad.

Menurutnya, kunjungan berkenaan bukan sahaja mengeratkan



hubungan antara negeri, malah menjadi ruang bermakna untuk saling bertegur sapa, bertukar pandangan serta memahami antara satu sama lain dengan lebih dekat.

“Pertemuan seperti ini memberi peluang untuk kita saling mengenali dengan lebih mendalam dalam suasana penuh hormat dan muhibah,” ujarinya.

Menurut YB Zamakhshari lagi, negeri Kelantan sentiasa meraikan tetamu dengan tangan terbuka, dengan nilai hormat, kasih sayang dan kebersamaan tanpa mengira latar belakang.

“Inilah wajah sebenar masyar-

akat Kelantan. Tetamu yang datang sentiasa kita raikan dengan penuh harmoni dan kasih sayang.

“Dalam kesederhanaan pertemuan ini, terserlah nilai muafakat, kebersamaan dan semangat perpaduan merentas kaum yang menjadi kekuatan kita di sini,” katanya.

Exco Perpaduan turut merakamkan penghargaan kepada rombongan berkenaan atas kunjungan yang disifatkan sebagai lawatan perpaduan yang membawa makna besar dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat.

“Terima kasih kepada rombongan dari Pulau Pinang atas kun-



jungan yang penuh kemesraan ini. Semoga ikatan silaturahmi serta semangat saling menghormati ini terus diperkasakan demi kesejahteraan bersama,” katanya.

Sepanjang lawatan selama dua di Kelantan, rombongan yang disertai 44 peserta itu telah mengadakan kunjungan ke beberapa lokasi kebudayaan dan keagamaan termasuk Kuil Sri Muthu Mariamman di Tumpat, Wat Siam dan Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, Wat Sleeping Buddha, Kuil Siva Subramaniyar di Kota Bharu, Kedai Nasi Berlauk Kak Chik dan Ayang Cafe.

Influencer tempatan meriahkan “Battle of Influencers” di Litar Go-Kart MOSKarting



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 April - Program “Battle of Influencers” anjuran Kelab Go-Kart Cakna (KGC) menjadi platform unik menghimpunkan pempengaruh tempatan dalam suasana santai namun kompetitif.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor berkata penganjuran program berkenaan bukan sahaja memeriahkan aktiviti

rekreasi bahkan berperanan sebagai medium kreatif dalam mempromosikan sektor pelancongan negeri Kelantan kepada khalayak lebih luas.

“Program ini menggabungkan elemen sukan permotoran dan kandungan digital, sekali gus membuka peluang kepada pempengaruh untuk berkongsi pengalaman mereka kepada pengikut masing-masing.

“Inisiatif seperti ini mampu menarik minat lebih ramai pelan-

cong, khususnya golongan muda yang cenderung kepada aktiviti sukan dan kandungan digital,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Tambahnya, usaha memperkasa penganjuran program seumpama itu perlu diteruskan kerana ia berpotensi menjadi tarikan baharu dalam industri pelancongan negeri.

“Diharapkan lebih banyak program berkonsepkan kreatif dan interaktif dapat dianjurkan bagi

memastikan sektor pelancongan kekal dinamik dan relevan dengan trend semasa,” jelasnya.

Terdahulu, Datuk Kamaruddin merasmikan Program “Battle of Influencers” tersebut yang menampilkan penyertaan beberapa pempengaruh tempatan yang bersaing dalam perlumbaan go-kart, selain berkongsi kandungan menarik sepanjang acara berlangsung di Litar Go-Kart MOSKarting, Platinum Wholesale Mall, Kota Bharu pada Sabtu.





Exco Perpaduan raikan rombongan India Pulau Pinang ke Kelantan

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1447H | 24-30 APRIL 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

300 pelumba sertai Kelantan MX ASEAN Gathering, serlah potensi hab permotoran serantau

Oleh: Syamimi Manah

PASIR MAS, 27 April – Sebanyak 300 pelumba dari dalam dan luar negara menyertai Kelantan MX ASEAN Gathering yang berlangsung di Litar Motorcross Teluk Kerangga, Kampung Paloh Tendong, sekali gus menyerlahkan potensi Kelantan sebagai hab sukan permotoran serantau.

Program selama tiga hari bermula 24 hingga 26 April anjuran Kelab Sukan Bermotor Teluk Kerangga (KSBTK) di bawah seliaan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan itu berjaya menarik minat peserta antarabangsa dari Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, penganjuran acara tersebut membuktikan sukan motocross bukan sahaja mendapat sambutan dalam kalangan anak muda tempatan, malah semakin diiktiraf di peringkat serantau.

Menurutnya, sukan lasak seperti motocross merupakan platform



terbaik untuk menyalurkan minat dan tenaga belia ke arah aktiviti yang lebih positif, berdisiplin dan terkawal.

“Anak muda kita mempunyai semangat dan tenaga yang besar. Sukan seperti ini menyediakan ruang yang lebih selamat untuk mereka mengasah bakat serta membina disiplin diri,” katanya dalam kenyataan di laman rasmi, semalam.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa menyokong penganjuran sukan berunsurkan lasak kerana ia

turut memberi impak kepada pembangunan belia serta membuka peluang kepada pertumbuhan sektor pelancongan sukan.

Pelbagai kategori dipertandingkan sepanjang kejohanan tersebut termasuk Cubcross, MX Open, MX VIP 40 dan MX Singapore yang menyaksikan saingan sengit dalam kalangan peserta pelbagai peringkat.

Dalam pada itu, YB Zamakhshari merakamkan penghargaan kepada KSBTK selaku penganjur dengan kerjasama Jabatan

“Anak muda kita mempunyai semangat dan tenaga yang besar. Sukan seperti ini menyediakan ruang yang lebih selamat untuk mereka mengasah bakat serta membina disiplin diri,”

Belia dan Sukan Negeri Kelantan dan rakan strategik serta semua peserta yang menjayakan program tersebut.

“Penyertaan pelumba dari empat negara membuktikan Kelantan semakin dikenali sebagai destinasi sukan permotoran serantau,” ujarnya.

Beliau turut berharap penganjuran seumpama itu dapat diteruskan bagi memperkukuh ekosistem sukan permotoran di negeri ini di samping memberi manfaat kepada ekonomi setempat.

